



**PERBADANAN MUZIUM MELAKA
(JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN)**

MEMO

Kepada : **EDARAN SEPERTI LAMPIRAN**

Daripada : Puan Erne binti Hamsah, Pengurus Besar PERZIM

Ruj.Fail : PMM/503/2 Jilid 7 (17)

Tarikh : **9** Oktober 2025

Perkara : **PELANTIKAN JAWATANKUASA BAGI KURSUS KESEDARAN
AWAM: PASUKAN KESELAMATAN KEBAKARAN (ERT) TAHUN 2025**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) PERZIM akan mengadakan Kursus Kesedaran Awam: Pasukan Keselamatan Kebakaran (ERT) dengan kerjasama Jabatan BOMBA dan Penyelamat Negeri Melaka pada ketentuan seperti berikut:-

Tarikh : 28 dan 29 Oktober 2025 (Selasa – Rabu)
Masa : 08.30 pagi – 5.00 petang
Tempat : Dewan PERZIM, Jalan Kota, 75000 Melaka
Pakaian : Baju Sukan
28 Oktober 2025 – Tshirt Gala Night Tahun 2025
29 Oktober 2025 – Tshirt KSK Tahun 2025

3. Sehubungan dengan itu, pihak pengurusan telah bersetuju melantik tuan/puan sebagai Ahli Jawatankuasa program seperti di **LAMPIRAN 1**. Kerjasama dan perhatian tuan/puan amat dihargai bagi kelancaran keseluruhan pengurusan program serta mencapai objektif pelaksanaannya.

Sekian dimaklumkan.

Saya yang menjalankan amanah,


(ERNE BINTI HAMSAH)

Pengurus Besar
Perbadanan Muzium Melaka

s.k : **Penyelaras, Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**
Kurator, Bahagian Pengurusan dan Sumber Manusia
Kurator, Bahagian Pemuziuman (Pendidikan)
Kurator, Bahagian Pemuziuman (Penyelidikan & Dokumentasi)
Kurator, Bahagian Pemuziuman (Pengurusan Koleksi & Repositori)
Kurator, Bahagian Pemuziuman (Penswastaaan, Pulau & Arkeologi)
Kurator, Bahagian Pembangunan

**SENARAI AHLI JAWATANKUASA KERJA
KURSUS KESEDARAN AWAM:
PASUKAN KESELAMATAN KEBAKARAN (ERT)**

TARIKH : 28 DAN 29 OKTOBER 2025 (SELASA-RABU)
TEMPAT : DEWAN PERZIM

Pengerusi : Puan Erne binti Hamsah
 Penyelaras : Puan Norzaifirah binti Zaini
 Setiausaha : Encik Mohd Fauzi bin Abd Majid
 Bendahari : Unit Kewangan PERZIM

BIL	JAWATANKUASA	SENARAI AHLI	SENARAI TUGAS
1.	J/Kuasa Kecil Pendaftaran & Cenderamata Peserta	Pengerusi: Pn. Zaiematunnisa binti Abu Bakar Ahli : En. Abu Hanifah binti Rozali Cik Annis Wardi'ah binti Ninggal	- Menyediakan senarai nama (kod QR) peserta untuk sesi pagi dan petang bagi tempoh 2 hari. - Menyediakan keperluan cenderamata peserta. - Mengedar cenderamata peserta - Memastikan peserta mengimbas kod QR kehadiran.
2.	J/Kuasa Kecil Logistik & Jamuan	Pengerusi: En. Mohd Nasri bin Nekmat Ahli : En. Fanizam bin Khalid	- Memastikan keperluan tempat kursus dalam keadaan baik dan boleh digunakan. - Menyediakan peralatan logistik yang diperlukan. - Memastikan jamuan makan peserta dan penceramah disediakan pada tepat waktu dan mengagihkan kepada peserta. - Menyediakan air mineral peserta.
3.	J/Kuasa Kecil Persiapan dan Keperluan Kursus	Pengerusi: Pn. Nor Azura binti Tesgon Ahli : En. B.H Ahmad Sabri bin Epit En. Muhammad Syariq Haizam bin Zainudin En. Zulkahar bin Zulkifli	- Memastikan keperluan kursus disediakan seperti kertas mahjung, pen marker, kudapan VIP, kudapan peserta, meja kopi VIP majlis perasmian. - Mengambil dan menyediakan Alat Pemadam Api mengikut keperluan. - Membeli dan menyediakan minyak diesel dan petrol untuk demonstrasi kebakaran. - Menyediakan buku dan beg cenderamata penceramah.

BIL	JAWATANKUASA	SENARAI AHLI	SENARAI TUGAS
4.	J/Kuasa Kecil Dokumentasi dan Publisiti	Pengerusi: Pn. Nur Azeera binti Jamaluddin Ahli: En. Kamaluddin bin Yahaya Pn. Nor Juliana binti Md Ali Muhammad Syariq Haizam bin Zainudin	- Membuat rakaman video dan rakaman gambar. - Memuatnaik gambar dan aktiviti di media sosial PERZIM. - Membuat berita selepas tamat program. - Menyediakan poster promosi dan <i>backdrop</i> kursus. - Menyediakan teks ucapan perasmian Pengurus Besar.
5.	J/Kuasa Kecil Siaraya	Pengerusi: En Mohd Ghazali bin Abd. Manan Ahli: En. Mohd Rashid bin Zulkifly En. Ali Azfar bin Razali	- Menyediakan video montaj aktiviti JKKP PERZIM. - Memastikan dan menyediakan keperluan komputer riba (penceramah), sistem audio/siaraya berfungsi dengan baik.
6.	Pemudah Acara	Pn. Nurul 'Ain binti Md Nasir	- Menyediakan teks dan menjadi pemudah acara untuk dua (2) hari kursus.
7.	Pembaca doa	En. Zulkahar bin Zulkifli	- Menyediakan teks doa dan menjadi pembaca doa.